

KAJIAN KEBERKESANAN DAN KESESUAIAN PROGRAM
DIPLOMA AKAUNTANSI POLITEKNIK DI DALAM PRAKTIS

ABDUL HASNAL BIN ABDULLAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN



C/AC: 48114

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00077586 0



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : "KAJIAN KEBERKESANAN DAN KESESUAIAN PROGRAM
DIPLOMA AKAUNTANSI POLITEKNIK DI DALAM PRAKTIS"

SESI PENGAJIAN : 2002/03

Saya : ABDUL HASNAL BIN ABDULLAH
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti
Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-


1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
Kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA
RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh
organisasi/ badan di mana penyeldikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap :

No. 1 Jalan Emas 7, Taman Emas
02450 Bukit Keteri
Perlis Indera Kayangan.

EN. MOHD IZAM BIN GHAZALI


Nama Penyelia

Tarikh : 19/09/2002

Tarikh : 19/09/2002



“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Encik Mohd. Izam Bin Ghazali
Tarikh : 19hb. September 2002

PTTA
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

KAJIAN KEBERKESANAN DAN KESESUAIAN PROGRAM
DIPLOMA AKAUNTANSI POLITEKNIK DI DALAM PRAKTIS

ABDUL HASNAL BIN ABDULLAH

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan



Nama Penulis

Abdul Hasnal Bin Abdullah

Tarikh

19hb. September 2002



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



*Untuk emak, abah, angah, omm, nikk, dikno
dan
Sabrina Isnin
serta
rakan-rakan seperjuangan*

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian yang bertajuk “Kajian keberkesanan dan kesesuaian program Diploma Akauntansi Politeknik di dalam praktis”. Berkat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Encik Mohd. Izam Bin Ghazali di atas segala tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Sejuta penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Politeknik Kuching (POLIKU) terutamanya kepada Encik Nik Akmal Rizal dan Encik Ahmad Fitri Abdul Rahman yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam tugas-tugas pengedaran borang soal-selidik kepada responden kajian.

Akhirnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya.

ABDUL HASNAL BIN ABDULLAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan keberkesanan dan kesesuaian program Diploma Akauntansi Politeknik dalam melahirkan graduan yang berkualiti kepada pasaran kerja. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti samada kurikulum program Diploma Akauntansi telah disediakan dengan mengambilkira keperluan dan cabaran di pasaran kerja masa kini dan akan datang. Selain itu, penyelidikan ini juga tertumpu kepada beberapa aspek kajian seperti kemahiran dan pengetahuan perakaunan, pembangunan kerjaya, teknologi maklumat dan *generic skills* serta jati diri para graduan. Dalam kajian berbentuk kuantitatif ini, soal selidik telah diedarkan kepada 126 orang graduan yang layak dianugerahkan Diploma Akauntansi dalam Konvokesyen tahun 2002 sahaja. Sampel yang dipilih terdiri daripada graduan lepasan POLIMAS, PKB dan POLIKU. Keseluruhan data kajian telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dengan membuat pengiraan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Keputusan kajian menunjukkan program Diploma Akauntansi Politeknik adalah berkesan dan sesuai dalam melahirkan para graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam situasi kerja.



ABSTRACT

This case study is about the effectiveness and relevancy of Diploma Accountancy in order to produce the highly competent graduate to the labor market. The objective of this case study is to identify whether the curriculum of accounting programs has been made while considering the challenge in the current or futures' labor market. Besides it also, concentrate more on accounting skills and knowledge, career development, information technology, and generic skills. This study is a quantitative research with sample consisting of 126 graduates of Diploma Accountancy from POLIMAS, PKB and POLIKU graduating in 2002. The data have been analyzed by using SPSS software to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The results indicate that the accounting programs at the Polytechnics are effective and relevance in order to produce highly competent graduates to enter working life.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
------------	----------------	-------------------

	BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SINGKATAN	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB I	Pengenalan	
--------------	-------------------	--

	1.1	Pendahuluan	1
	1.2	Latar belakang masalah	4
	1.3	Penyataan masalah	5
	1.4	Soalan kajian	6

1.5	Objektif kajian	7
1.6	Kepentingan kajian	8
1.7	Skop kajian	9
1.8	Definisi istilah	10
1.8.1	Keberkesanan dan kesesuaian	10
1.8.2	Akauntansi	11
1.8.3	Praktis	11

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Perubahan dalam kurikulum program Perakaunan	12
2.3	Persepsi pelajar dan pembangunan kerjaya	14
2.4	Keperibadian individu dan <i>generic skills</i>	15
2.5	Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran subjek perakaunan	17
2.6	Teknologi maklumat dalam program perakaunan	19

BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	21
3.2	Rekabentuk kajian	22
3.3	Responden dan sumber data	23
3.3.1	Responden	23
3.3.2	Sumber data	24
3.3.2.1	Data primer	24
3.3.2.2	Data sekunder	25

3.4	Instrumentasi	25
3.4.1	Bahagian A	26
3.4.2	Bahagian B	27
3.4.3	Bahagian C	28
3.4.4	Kajian rintis	28
3.5	Kaedah analisis data	29
3.6	Batasan kajian	30
3.7	Andaian	31

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Analisis kebolehpercayaan	33
4.3	Dapatan kajian	34
4.4	Analisis bahagian A	35
4.4.1	Jantina	36
4.4.2	Umur	36
4.4.3	Bangsa	37
4.4.4	CGPA	37
4.4.5	Tempat pengajian	38
4.4.6	Pengalaman kerja	38
4.4.7	Pendapatan	39
4.5	Analisis bahagian B	40
4.5.1	Kurikulum Diploma Akauntansi	40
4.5.2	Kemahiran dan pengetahuan perakaunan	43
4.5.3	Pembangunan kerjaya	45
4.5.4	Aplikasi teknologi maklumat	47
4.5.5	<i>Generic skills</i> dan jati diri	48



BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	50
5.2	Perbincangan	51
5.2.1	Kurikulum Diploma Akauntansi	51
5.2.2	Kemahiran dan pengetahuan perakaunan	52
5.2.3	Pembangunan kerjaya	53
5.2.4	Aplikasi teknologi maklumat	53
5.2.5	<i>Generic skills</i> dan jati diri	54
5.3	Kesimpulan	54
5.4	Cadangan	56
5.4.1	Jabatan Pendidikan Teknikal	56
5.4.2	Cadangan kajian selanjutnya	57
5.5	Penutup	57

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

58-63

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A-D

64-89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN PENUH
AAA	- American Accounting Association
ACCPAC	- Accounting Package (Pakej perakaunan berkomputer)
ACP	- Akta Cukai Pendapatan 1967
AECC	- Accounting Education Change Commission
CPA	- Certified Public Accountant
FACT	- Freedom Accounting Software (Pakej perakaunan berkomputer)
FRF	- Financial Report Foundation
CGPA	- Cumulative Grade Point Average
IAS	- International Accounting Standard
JAN	- Jabatan Audit Negara
KWSP	- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	- Lembaga Hasil Dalam Negeri
LUTH	- Lembaga Urusan Tabung Haji
MACPA	- Malaysia Association Of Certifeid Public Accountants
MAS	- Malaysia Accounting Standard
MIA	- Malaysia Institute Of Accountants
MYOB	- Mind Your Own Business (Pakej perakaunan berkomputer)
PKB	- Politeknik Kota Bharu, Kelantan
POLIMAS	- Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah
POLIKU	- Politeknik Kuching, Sarawak
SPSS	- Statistical Package for the Social Sciences
UBS	- Universal Business Software (Pakej perakaunan berkomputer)



PTAKUTHM
BERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****MUKA SURAT**

A	Borang soal selidik	64-69
B	Analisis skor Alpha Cronbach kajian rintis	70-75
C	Analisis skor Alpha Cronbach kajian sebenar	76-78
D	Analisis kajian sebenar	79-89



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan fungsi yang penting dalam membina keteguhan dan kekuatan sesebuah negara. Pendidikan menjadi saluran utama dalam membentuk kualiti bangsa yang menjadi sandaran utama untuk membina kekuatannya. Justeru, bangsa yang maju akan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada kemajuan dan keberkesanan pendidikannya. Pendidikan yang sebenarnya adalah pendidikan ke atas generasi penerus, yang akan menghadapi zaman akan datang, yang berubah dan tidak mungkin sama dengan zaman ini.

Oleh itu, perancangan pendidikan mestilah sentiasa mendahului zaman. Kurikulum dan program pendidikan mestilah dirancang dan dilaksanakan untuk zaman akan datang, bukan untuk zaman sekarang. Perancangan dan pelaksanaan pendidikan hendaklah sentiasa mendahului masa. Pendidikan yang seiring zaman atau lebih teruk lagi, ketinggalan zaman adalah pendidikan yang tidak dapat membina generasi yang mampu berhadapan dengan cabaran masa depan.



Dari perspektif Islam, senario ini dinyatakan dengan jelas oleh Saidina Umar dalam dasar pendidikannya : “*Ajarlah anak kamu untuk zaman yang bukan zaman kamu*” (Riwayat Bukhari & Muslim). Justeru, perancangan pendidikan seharusnya mengambil iktibar daripada dasar pendidikan yang diamalkan pada masa kini. Bagaimanapun, pendidikan berlandaskan pendekatan masa depan, tidak boleh dirancang dan dilaksanakan berasaskan khayalan semata-mata. Ianya mestilah dilakukan berasaskan penyelidikan dan pemahaman yang tepat mengenai realiti masa sekarang dan perkembangan ilmu pengetahuan yang berlaku, serta keupayaan yang dimiliki untuk melaksanakan pendekatan pendidikan itu.

Pucuk pimpinan di Malaysia tidak berdiam diri dalam memikirkan persoalan pendidikan ini. Kementerian Pendidikan telah diberikan tanggungjawab dalam memastikan seluruh rakyat mendapat pendidikan yang sepatutnya. “Kerajaan menasarkankan 40% remaja yang berumur 18-24 tahun berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menjelang tahun 2010” (Aziz, 2001).

Justeru, Politeknik- politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terkecuali sebagai institusi pendidikan teknikal yang telah diamanahkan melahirkan para graduan yang berkemahiran dalam bidang perniagaan, kejuruteraan dan industri. Peranan dan tanggungjawab yang besar ini mungkin dapat dilaksanakan dengan terbinanya 10 buah Politeknik lagi menjelang tahun 2005, menjadikannya 22 buah di seluruh negara.

Namun begitu, sejauhmanakah Politeknik berkeupayaan untuk memastikan kurikulum kursus-kursus di peringkat Sijil mahupun Diploma sesuai (relevance) dan berkesan (effective) dalam menyediakan tenaga kerja separa mahir dan mahir? Adakah para graduan telah dilengkapi dengan pengetahuan dan *generic skills* yang sewajarnya dan relevan dengan cabaran akan datang?

Persoalan ini tidak terkecuali bagi para graduan Diploma Akauntansi khususnya yang telah menamatkan pengajian dan sedang bekerja. Ini kerana, bidang profesion perakaunan sentiasa berkembang pesat dengan pengenalan kepada pelbagai fungsi baru perakaunan meliputi aspek percukaian, pentadbiran, perakaunan kos, ekonomi, perundangan dan teknologi maklumat.

Tugas dan tanggungjawab para akauntan bukan lagi tertumpu kepada kerja-kerja merekod dan membuat analisa urusniaga, malahan merangkumi bidang tugas sebagai konsultan perniagaan. Simyar (1993), menyatakan bahawa :

“Today’s professional accountant, in addition to acquiring the accounting skills and knowledge, has to be an entrepreneur, financial analysis, global competitor, market analysis, excellent salesperson, good communicator, capable negotiator and public specialist, as well as a good manager.”

Perkhidmatan perakaunan masa kini tidak lagi terhad kepada peranan tradisional yang mencatatkan rekod dan memastikan syarikat mematuhi undang-undang dan piawaian perakaunan. Sebaliknya, bagi mengekalkan daya saing, para graduan perakaunan perlu membuat anjakan paradigma dengan melengkapkan diri sebagai penasihat perniagaan.

Timbalan Menteri Kewangan Malaysia ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2001 di Dewan Negara menyatakan, “sehingga 31 Oktober 2001, hanya sejumlah 15,207 akauntan diiktiraf sebagai akauntan bertauliah sedangkan negara memerlukan kira-kira 65,000 akauntan menjelang tahun 2020. Manakala, jumlah akauntan profesional Melayu yang berdaftar dengan MIA hanya 12% sahaja.” (Shafie, 2001)

1.2 Latar Belakang Masalah

Memiliki sesuatu kelulusan bukanlah penentu utama kejayaan seseorang graduan di dalam profesionnya. Pelbagai aspek lain turut menyumbang kepada kecekapan seseorang graduan semasa bekerja. Salah satu penentunya ialah, setakat manakah tahap pengetahuan teori dan kemahiran graduan tersebut? Adakah ianya mencukupi dan benar-benar memenuhi keperluan semasa? Adakah graduan tersebut berupaya mengaplikasikannya (teori) tersebut?

“Kebanyakan pelajar berasa kurang selesa di tempat kerjanya kerana mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari di dalam kelas dengan persekitaran sebenar di tempat kerja, atau pencapaian akademik dengan kejayaan di tempat kerja” (Smith, 1989). Ini menggambarkan bahawa para pelajar tidak dapat menghayati dan mengaplikasikan ilmu-ilmu teori yang dipelajari di dalam kelas dengan persekitaran di tempat kerja. “Senario masa kini menyaksikan peningkatan mendadak graduan yang menganggur, sehinggakan dianggarkan 39,000 ribu graduan menganggur pada setiap tahun” (Aziz, 2001). Di dalam hal ini, adakah program dan struktur akademiknya perlu dipersalahkan?

“Graduan masa kini dikatakan tidak dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman praktikal yang diperlukan oleh pasaran kerja semasa menuntut di institusi pengajian tinggi” (Bergin, 1993). Permasalahan ini diburukkan lagi dengan kurangnya peluang kerjaya yang sesuai dengan kelulusan graduan berikutan kelembapan ekonomi serantau. Sehubungan itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan Skim Sangkutan Lanjutan selama 6 bulan dengan kadar elaun RM500 sebulan kepada graduan yang masih menganggur. Graduan-graduan tersebut akan ditempatkan sementara di sektor awam atau swasta yang berminat mengambil mereka bekerja.

Dalam hal ini, semua graduan Diploma Akauntansi tidak terkecuali dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan. Manakala bagi mereka yang telah mendapat pekerjaan yang sesuai pula, terpaksa bersungguh-sungguh menelaah buku akademik semula apabila menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan sesuatu tugas di pejabat. Permasalahan ini tidak akan begitu serius sekiranya graduan itu mendapat pendidikan dengan sukatan kurikulum yang terkini dan kaedah pengajaran yang berkesan, bersesuaian dengan kehendak industri atau profesion.

1.3 Pernyataan Masalah

Kerjaya di bidang perakaunan mempunyai keistimewaan dan limitasinya yang tersendiri, berbanding dengan bidang-bidang kerja lain. Ini kerana, seseorang yang praktisnya di bidang perakaunan adalah tertakluk kepada prosedur, tatacara dan kaedah yang tertentu seperti *Institute's By-Law* (On Professional Conduct and Ethics), Standard Perakaunan Antarabangsa (IAS), Standard Perakaunan Malaysia (MAS), Akta Akauntan 1967, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Syarikat 1965 dan badan-badan profesional seperti *Malaysia Institute of Accountants* (MIA), *Malaysian Association Of Certified Public Accountant* (MACPA) dan Yayasan Laporan Kewangan (FRF).

Pendidikan perakaunan telah diiktiraf sebagai salah satu kursus atau program profesional dan mempunyai piawaiannya di peringkat antarabangsa. Sehubungan itu, para pendidik telah digesa untuk memastikan sukatan pelajaran perakaunan disediakan secara komprehensif dan mampu memenuhi keperluan semasa dan cabaran di alaf baru. Namun begitu, para pendidik perakaunan tetap dikritik sebagaimana yang dinyatakan oleh Elliot, (1991); Hermanson dan Carcello, (1989); Mueller dan Simmons, (1989); Murphy, (1992); Smith dan Usry, (1989); dan Sundem *et al.*, (1990) :

“Accounting educators have increasingly questioned the structure and composition of academic accounting programmes.”

Lantaran itu, sukatan pelajaran perlulah menepati keperluan graduan di tempat kerja. Perancangan pendidikan untuk masa hadapan memerlukan kita memahami situasi masa kini. "Input pelajar boleh mempengaruhi kurikulum" (Murphy, 1992).

Penyelidikan ini adalah perlu bagi penyelidik untuk mengetahui status kurikulum program perakaunan khususnya di peringkat Diploma Akauntansi di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Suatu bentuk pendekatan pendidikan yang lebih pragmatik perlu disediakan untuk manfaat di masa hadapan.

1.4 Soalan Kajian

- i. Sejauhmanakah kurikulum Program Diploma Akauntansi relevan dan membantu para graduan di dalam kerjaya?
- ii. Adakah program Diploma Akauntansi berkesan dan sesuai dalam menyediakan kemahiran dan pengetahuan perakaunan yang diperlukan di tempat kerja?
- iii. Adakah program Diploma Akauntansi berkesan dan sesuai dalam membantu graduan merancang dan membangunkan potensi kerjaya ?
- iv. Adakah program Diploma Akauntansi berkesan dan sesuai dalam mengaplikasikan teknologi maklumat di dalam bidang kerjaya perakaunan?
- v. Setakat manakah tahap kemahiran *generic* dan jati diri graduan dalam kerjaya?



1.5 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik di dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

- i. Menenalpasti samada sukatan pelajaran ataupun kurikulum Diploma Akauntansi di Politeknik telah disediakan dengan mengambilkira keperluan dan cabaran di pasaran kerja masa kini dan akan datang.
- ii. Menenalpasti samada program Diploma Akauntansi berupaya melahirkan graduan yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang perakaunan.
- iii. Menenalpasti samada program Diploma Akauntansi mampu membantu menunjukkan arah tuju graduan dalam membangunkan kerjaya masing-masing.
- iv. Menenalpasti samada program Diploma Akauntansi telah berjaya menyediakan graduan untuk mengaplikasikan teknologi maklumat dalam perakaunan.
- v. Menenalpasti setakat manakah program Diploma Akauntansi berupaya membentuk *generic skills* dan semangat jati diri di kalangan graduan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

1.6 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat membantu : -

a) Pelajar atau Graduan :-

Memberi maklum balas atau respon kepada pihak Politeknik berhubung dengan persepsi majikan (secara tidak langsung) di tempat kerja graduan, agar ianya dapat diperbaiki demi kemajuan dan peningkatan kualiti para pelajar perakaunan.

Membantu pelajar mengenalpasti kelemahan dan kekurangan yang ada dalam diri pelajar, dengan mengambil inisiatif sendiri untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan tahap profesionalisme di dalam kerjaya masing-masing.

b) Politeknik :-

Mendapat maklumbalas daripada graduan dan majikan (secara tidak langsung) berhubung dengan kesesuaian sukatan pelajaran dan kecekapan tenaga pengajar Politeknik dalam kaedah pengajarannya.

Menjadi panduan dan bukti kepada pihak Jawatankuasa Perkembangan Kurikulum untuk mengemaskini sukatan pelajaran, di samping pihak pengurusan Politeknik menyusun strategi dan kaedah pengajaran yang lebih efektif.

c) Majikan :-

Majikan berkesempatan memaklumkan kepada pihak Politeknik mengenai jangkaan mereka terhadap graduan yang akan menceburi dunia pekerjaan.



1.7 Skop Kajian

Kajian ini lebih banyak menumpukan kepada aspek keberkesanan sukatan pelajaran ataupun kurikulum program Diploma Akauntansi Kementerian Pendidikan ke atas graduan yang sedang bekerja. Selain itu, penyelidik juga melihat kepada aspek kesesuaian dan kerelevanan pendidikan perakaunan dengan praktis semasa di dalam pelbagai bidang profesion perakaunan. Penyelidik juga akan menyentuh berkenaan tahap pengetahuan dan kemahiran *generic* yang ada dalam diri graduan Diploma Akauntansi ini.

Sampel yang dipilih terdiri daripada lepasan Diploma Akauntansi yang layak dianugerahkan Diploma Akauntansi Politeknik Kementerian Pendidikan pada konvokesyen tahun 2002. Responden yang dipilih ini merupakan graduan dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Politeknik Kuching (POLIKU) yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2001. Pemilihan sampel kajian ini dibuat dengan mengambilkira faktor-faktor berikut :-

- i. Program Diploma Akauntansi yang ditawarkan hanya di 8 daripada 14 buah Politeknik (sehingga Januari 2002) ini menggunakan sukatan pelajaran yang sama. Oleh itu, pemilihan sampel dari 3 buah Politeknik sahaja sudah dikira memadai. Penyelidik mengandaikan para graduan telah mendapat input pengajaran dan pendedahan praktikal yang sama.



1.8 Definisi Istilah

Tajuk kajian ini akan didefinisikan berdasarkan dua jenis definisi, iaitu definisi konsep dan operasional. Definisi konsep adalah suatu definisi yang dinyatakan oleh satu badan atau individu yang mempunyai kemahiran dalam bidang perbendaharaan kata atau bahasa, atau berdasarkan kajian-kajian yang akan dibuat. Kebiasaannya, definisi konsep tidak dipersoalkan.

Manakala, definisi operasional pula didefinisikan berdasarkan matlamat asal kajian dijalankan. Definisi yang diberikan adalah perlu sebagai panduan agar ianya tidak lari dari matlamat asal dan objektif kajian yang dijalankan.

1.8.1 Keberkesanan dan kesesuaian

Menurut Kamus Dewan (2000), “keberkesanan didefinisikan sebagai perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan dsb), menimbulkan hasil (kesudahan) yang diharapkan, membawa kepada sesuatu perubahan (perkembangan) Manakala kesesuaian pula bermaksud perihal sesuai, keselarasan, kesamaan, padan benar, seimbang dan sepakat.”

Dari segi definisi operasional pula, keberkesanan (effectiveness) dan kesesuaian (relevancy) merujuk kepada keupayaan profesional graduan lepasan Politeknik. Penyelidik ingin mengkaji samada graduan Diploma Akauntansi telah mendapat persediaan ilmu dan kemahiran yang mencukupi berdasarkan keperluan pasaran kerja. Keberkesanan dan kesesuaian tersebut akan dinilai sendiri oleh graduan lepasan Politeknik tersebut. Penilaian akan dibuat dari segi kurikulum pelajaran, input pengajaran, kemahiran *generic* dan keperluan tugas di tempat kerja.

1.8.2 Akauntansi

Menurut Kamus Dewan (2000), “akauntansi atau perakaunan didefinisikan sebagai kerja-kerja yang berkaitan dengan akaun.”

Horngren *et al.* (1998) mendefinisikan akauntansi sebagai “satu sistem maklumat yang mengukur aktiviti perniagaan, memproses maklumat ke dalam bentuk laporan dan menyampaikan hasil keputusan kepada pembuat keputusan.”

Manakala Che Zurina *et al.* (2001) pula merumuskan bahawa “akauntansi merupakan satu sistem maklumat yang mengenalpasti, mengukur, merekod dan menyampaikan maklumat ekonomi organisasi atau perniagaan kepada pengguna untuk membolehkan mereka membuat pertimbangan atau keputusan.”

Dari segi definisi operasional, akauntansi merujuk kepada program Diploma Akauntansi yang ditawarkan oleh Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.8.3 Praktis

Menurut Kamus Dewan (2000), “praktis bermaksud sesuatu yang praktik, boleh dan mudah melaksanakannya (menjalankannya, menggunakannya dsb) dan kena benar.”

Dari sudut operasional pula, AECC (1990) mendefinisikan praktis sebagai “*public practice*” di dalam firma-firma akauntan awam bertauliah. Praktis meliputi semua profesion perakaunan merangkumi perakaunan korporat, pengurusan kewangan, bendahari, perakaunan kos, audit dalaman, percukaian, perakaunan kerajaan, perakaunan bukan berasaskan keuntungan (*nonprofit accounting*) dan perancangan belanjawan.



BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membentangkan beberapa kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik dari dalam dan luar negara berhubung dengan pendidikan perakaunan (Accounting education). Perbincangan banyak memfokuskan kepada perkembangan dan keperluan kepada perubahan pendidikan perakaunan. Di samping itu, kajian-kajian ini turut membincangkan masa depan profesion perakaunan semasa dan masa akan datang.

2.2 Perubahan dalam kurikulum program perakaunan

May dan Floyd (1995) dalam kajian mereka yang bertajuk, "*The Need For Change In Accounting Education : An Educator Survey*", telah menyuarakan pendapat agar suatu perubahan paradigma yang terancang perlu dilakukan dalam sukatan program perakaunan. Mereka telah menjalankan kajian ke atas 984 fakulti perakaunan di United Kingdom dan telah mendapati majoriti 56% responden bersetuju agar suatu bentuk perubahan asas (fundamental change) perlu dilakukan ke atas kurikulum pendidikan perakaunan, 19.9% responden tidak pasti atau neutral dan 24.1% lagi tidak bersetuju. Responden juga berpendapat bahawa perubahan perlu dilakukan secara menyeluruh, meliputi aspek kurikulum dan tenaga pengajar.

Manakala di Amerika Syarikat, Kullberg *et al.*, (1989) pula banyak menekankan berkenaan keperluan perubahan dalam sukatan Pendidikan Perakaunan, di samping mengambilkira kuantiti dan kualiti graduan perakaunan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian. Selain itu, penyelidik juga membicarakan persoalan *re-engineering the curriculum*. Rentetan dari kajian ini dan juga gesaan oleh firma-firma akauntan awam bertauliah (CPA Firms), *American Accounting Association (AAA)* telah menubuhkan *Accounting Education Change Commission (AECC)* untuk membuat perubahan dan pembaharuan dalam pendidikan perakaunan.

Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Accounting Education Change Commission (1995) seperti berikut :

“The Accounting Education Change Commission is leading an effort to change accounting education. Whether or not accounting faculty will support such change largely depends on whether or not they agree with the nature and extent of the needed change.”

Namun begitu, perubahan dalam pendidikan perakaunan ini memerlukan sokongan dan komitmen dari institusi pendidikan itu sendiri, sebagaimana pernyataan oleh Ehrenreich dan Hulme (1992) :

“The respondents believe that more emphasis in the curriculum should be placed on teaching more concepts and less procedures, intergration of subject matter, and critical thinking. Teaching should include more unstructured problem, e.g., cases, and further development of students’ communication skills. The respondents believe effective faculty incentives are needed to bring about change.”



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

2.3 Persepsi pelajar dan pembangunan kerjaya

Yunker, *et.al* (1986) melihat persepsi pelajar-pelajar perakaunan dan perbandingannya dengan graduan-graduan perakaunan yang telah bekerja di dalam pelbagai bidang profesion perakaunan. Hasil kajiannya mendapati para pelajar mempunyai persepsi yang kurang tepat mengenai suasana dan persekitaran di tempat kerja. Ini mungkin disebabkan oleh budaya hidup di kampus (*campus life style*) yang tidak cenderung kepada penyediaan diri pelajar sebagai seorang pekerja.

Goldstein, (1982), rakan kongsi *New York office of Laventholand Horwath* menulis ;

"Too often we relate what we think the prospective employee would like to hear, not what we have to offer. We create unrealistic expectation of fulfilling work and advancement beyond the aspirations of the employee. We should be 'telling it like it is': the present and future rewards, the prospects for fulfilling work, which, particularly in the beginning aren't so great and the years of long hours."

Menurut Robert dan Thomas (1986), penekanan yang begitu hebat ke atas peningkatan kualiti profesion perakaunan telah memerlukan *accounting practitioners* dan institusi pendidikan untuk menjalankan kerjasama khususnya dalam aspek latihan dan pembangunan sumber tenaga kerja. Pihak institusi pendidikan diharapkan dapat menjalankan tanggungjawabnya secara jujur dalam usaha melahirkan graduan yang *highly competent* dan *up-to-date*.



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

Namun begitu, kajian dan penyelidikan oleh tenaga pengajar program perakaunan dikatakan tidak dapat membantu sepenuhnya *practitioners* dalam menyelesaikan permasalahan dalam bidang kerja perakaunan yang berlaku di tempat kerja.

Kajian oleh Davidson dan Etherington (1995) pula mendapati program perakaunan yang disifatkan sebagai 'perakaunan tradisional' tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelajar pintar (*the best and the brightest*). Senario ini telah menyebabkan keresahan dan sedikit tekanan kepada para pengajar program perakaunan. Sehubungan itu, AECC telah mula memikirkan beberapa cadangan dalam mengemaskini kurikulum dan kaedah pengajaran pendidikan perakaunan, agar ianya lebih sesuai dengan peredaran masa dan cabaran akan datang.

2.4 Keperibadian individu dan *generic skills*

Morgan (1997) telah menjalankan kajian ke atas *accounting practitioners* dan tenaga pengajar program perakaunan untuk mendapatkan maklumbalas berhubung dengan kemahiran-kemahiran dan kebolehan yang perlu ada pada seseorang graduan perakaunan. Hasil kajian mendapati seseorang graduan mestilah melengkapkan dirinya dengan *personal attributes* yang dikehendaki oleh majikan.

Namun, laporan oleh *The Quality in Higher Education Project* (Harvey dan Green, 1994) telah membezakan di antara *personal attribute* dan *generic skills*. Istilah *personal attribute* adalah merujuk kepada pembawaan diri atau sikap pelajar seperti komitmen, bersemangat waja, pengurusan sendiri yang baik dan kejujuran.



PTTA UTHM
PERKUMPULAN PERAKAUNAN TUNJUKKAN AMINAH

Manakala, *generic skills* pula lebih menekankan kepada aspek seperti berikut:-

- (i) ingin belajar sesuatu yang baru
- (ii) semangat kerja berpasukan
- (iii) skil komunikasi yang baik
- (iv) cekap menyelesaikan masalah
- (v) berfikiran analitikal dan kritis
- (vi) berfikiran logik
- (vii) mampu menghuraikan sesuatu isu

Noor Afizah (2001) dalam kajiannya ke atas pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi telah mengenalpasti tujuh jenis kemahiran yang perlu ada pada seseorang graduan perakaunan, dalam usaha memajukan profesion mereka, iaitu :-

- a) kemahiran komunikasi
- b) kemahiran membangunkan dan mengagihkan maklumat
- c) kemahiran membuat keputusan
- d) pengetahuan dalam perakaunan, pengauditan, percukaian; pengetahuan dalam perniagaan dan persekitarannya
- e) bersikap profesionalisme; dan
- f) kemahiran kepimpinan

Kajian oleh Jamaliah (2001) ke atas pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson sesi 2001/2002 mendapati para pelajar masih kurang menguasai isi pembelajaran program perakaunan, di samping kekurangan dalam kemahiran analitikal, aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam bahasa Inggeris. Suatu bentuk langkah yang sistematik perlu difikirkan bagi menangani permasalahan ini dari berlanjutan.

2.5 Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran subjek perakaunan

Bedford Committee dan AECC (AAA, 1986) telah mencadangkan agar semua tenaga pengajar bagi program perakaunan mencari alternatif kaedah dan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan dalam melahirkan graduan yang mampu berfikir secara kritikal (*critical thinking*). Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut berpandangan bahawa program perakaunan tradisional tidak mampu menyediakan pelajar untuk berfikir secara kritikal, mampu menganalisa maklumat dan menyelesaikan masalah.

Penekanan kepada berfikir secara kritikal ini adalah penting kerana peranan seorang akauntan atau bagi graduan yang melibatkan diri dalam profesion perakaunan semakin mencabar. Graduan perakaunan seharusnya berupaya membangunkan diri sendiri sesuai dengan cabaran masa kini dan akan datang. Pendidikan Perakaunan masa kini dikatakan masih kurang berjaya dalam melahirkan akauntan yang berwibawa, sebagaimana kenyataan oleh *Big Eight White Paper* (1989) seperti berikut :

“Accounting education has been criticized for failing to adequately develop in students the skills necessary for mastery of ambiguous, and unstructured problem.”

Sangster dan McCombie (1993) dalam kajian bertajuk, *“How well do accountancy students understand a set of accounts?”*, telah membuat kajian perbandingan di antara pelajar tahun pertama yang mempunyai asas perakaunan dengan pelajar yang tiada latarbelakang pendidikan perakaunan di peringkat menengah. Hasil kajian memperlihatkan prestasi yang berbeza di antara kedua-dua golongan tersebut. Pelajar tahun pertama (mempunyai pengalaman asas pendidikan perakaunan) menunjukkan prestasi pembelajaran yang hampir menyamai kemampuan pelajar tahun dua program perakaunan (tiada asas pendidikan perakaunan di peringkat menengah).



Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu program perakaunan itu bukan sahaja disebabkan kurikulum pendidikannya mahupun tenaga pengajar, malahan ianya dipengaruhi juga oleh latarbelakang pendidikan pelajar sebelum melangkah ke peringkat pengajian tinggi.

Senario ini telah dibuktikan lagi oleh kajian oleh Moses (1997), Bergin (1993), Keef (1992), Peel *et al.* (1991), Schroeder (1986), Mitchell (1985), Baldwin dan Howe (1982). Para penyelidik mendapati pendidikan perakaunan yang diperolehi sebelum pelajar memasuki pengajian tinggi, boleh mempengaruhi prestasi pelajar di dalam peperiksaan dan kebolehan pelajar untuk menterjemah serta mengaplikasikan teori pembelajaran perakaunan.

Sharma (1997) dalam kajiannya banyak menumpukan kepada proses pembelajaran di kalangan pelajar program perakaunan. Penyelidik melihat kepada kelemahan dan kurangnya kualiti pelajar perakaunan dari kaca mata tenaga pengajar dan majikan. Kajian ini banyak memfokuskan kepada aspek konsep pembelajaran, pendekatan pembelajaran, ruang lingkup pembelajaran dan pengajaran serta suasana pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Hasil kajian mendapati para pelajar masih lemah dalam penguasaan teknik dan pendekatan pembelajaran yang berkesan. Para pelajar perakaunan dikatakan tidak memahami konsep sebenar pembelajaran (*learning conceptions*).

Menurut Rossum *et al.* (1995) dan Saljo (1979) konsep pembelajaran pelajar boleh dikelaskan kepada salah satu daripada berikut : -

- (i) Menghafal (as memorizing)
- (ii) Mendapatkan pengetahuan (as acquiring knowledge)
- (iii) Mengaplikasikan teori (as application of knowledge)
- (iv) Membina perkaitan (as making connections between parts of a subjects)
- (v) Menterjemah dan memahami realiti (as interpreting and understanding reality)

Konsep pembelajaran yang pelbagai tahap ini boleh mempengaruhi prestasi pelajar selepas tamat pengajian dan bekerja. Bagi pelajar yang berjaya mendapat segulung diploma dengan keputusan CGPA yang cemerlang, adalah tidak mustahil graduan tersebut masih gagal mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas. Ini kerana, konsep pembelajarannya adalah tidak tepat di mana pelajar tersebut gagal menterjemahkan pengetahuan dan kemahirannya ke dalam realiti kerja.

Namun begitu, kajian oleh Raja Nazima (2000) ke atas pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Ungku Omar (PUO), Perak mendapati pengendalian program Diploma Akauntansi di PUO mampu melengkapkan diri pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan menguji tahap pengetahuan dan kemahiran pelajar semester akhir, terutamanya dalam bidang perakaunan dan simpankira. Program Diploma Akauntansi juga dilihat berkemampuan dalam menyampaikan kemahiran dalam bidang perakaunan berkomputer.

2.6 Teknologi maklumat dalam program perakaunan

Aspek teknologi maklumat kini menjadi sebagai alat penting yang membantu tugas-tugas perakaunan dan pengurusan data-data perniagaan. Banyak perisian perakaunan telah dihasilkan bagi melicinkan kerja-kerja perakaunan. Antaranya ialah perisian UBS, ACCPAC, MYOB, FACT, dan HyperLedger.

Menurut Suhaila (2001), perisian perakaunan mendapat permintaan yang tinggi kerana ia mudah digunakan, fleksibel dan mesra pengguna, boleh mengubahsuai atau menghapuskan mana-mana transaksi, menyediakan skrin kemasukan transaksi yang sama bagi akaun belum bayar, akaun belum terima dan lejar am. Perisian ini sesuai digunakan oleh pelbagai jenis industri samada syarikat perdagangan, perkilangan, peruncitan, restoran, farmasi, kontraktor atau pertubuhan sosial.

Penggunaan perisian perakaunan dalam mengendali dan mentadbir rekod-rekod kewangan syarikat adalah penting sekali. Kini, perekodan urusan syarikat ke dalam buku-buku lejar sahaja sudah kurang diamalkan. Ini kerana perniagaan hari ini memerlukan rekod-rekod kewangan dihasilkan secara tepat, cepat dan mudah dibaca.

Manakala Collins (2000) telah mengenalpasti pakej perisian perakaunan UBS sebagai perisian yang popular digunakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dan menduduki tempat pertama daripada sepuluh jenis perisian perakaunan yang lain. Oleh itu, kemahiran menggunakan perisian ini di kalangan para pelajar perakaunan khususnya di Politeknik dikira sebagai satu kelebihan dan menjadi pilihan utama pihak majikan semasa mencari pekerja baru.

Oleh itu, pengkaji memikirkan perlunya dijalankan kajian yang lebih meluas dari segi skop kajian dan responden yang terlibat supaya keberkesanan dan kesesuaian program Diploma Akauntansi yang ditawarkan di Politeknik dapat dikenalpasti.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan berkenaan dengan prosedur dan kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian, iaitu :-

- (i) Rekabentuk Kajian
- (ii) Responden dan Sumber Data
- (iii) Instrumentasi
- (iv) Kaedah Analisis Data
- (v) Batasan Kajian
- (vi) Andaian



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

3.2 Rekabentuk kajian

Kajian ini merupakan kaedah berbentuk kuantitatif. “Pendekatan ini kadangkala disebut kaedah eksperimen, saintifik, objektif, reduksi, preskripsi atau normatif” (Mohamad Najib, 1999). Selain itu, pemilihan kaedah ini dapat membantu pengkaji menerangkan peristiwa secara menyeluruh dalam situasi sebenar sesuatu peristiwa tanpa sebarang manipulasi. Kaedah ini membolehkan pengkaji memberi gambaran yang menyeluruh mengenai situasi semasa yang berlaku dalam bentuk angka, skor dan kekerapan.

Dalam menjayakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan bagi melaksanakan penyelidikan untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan dan kesesuaian pendidikan perakaunan di alam pekerjaan. Dalam kaedah ini, pengkaji akan menggunakan instrumen yang tertentu dan pengambilan data hanya dibuat pada satu-satu masa tertentu sahaja dengan menggunakan borang soal selidik. Menurut Wiersma (1995), “kaedah ini tidak berupaya menerangkan situasi yang akan berlaku pada masa akan datang, tetapi mampu membantu kajian seterusnya dijalankan”.

Tinjauan dijalankan ke atas para graduan Diploma Akauntansi lepasan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi melihat sejauhmanakah keberkesanan (effectiveness) dan kesesuaian (relevancy) program Diploma Akauntansi dalam melahirkan tenaga kerja yang *highly competent* kepada pihak majikan.



3.3 Responden dan sumber data

3.3.1 Responden

Dalam kajian ini, responden yang terlibat adalah terdiri daripada para graduan Diploma Akauntansi lepasan dari POLIMAS, PKB dan POLIKU yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2001, seterusnya layak dianugerahkan Diploma pada konvokesyen tahun 2002. Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan data, responden dipilih dari kalangan graduan yang telah berjaya menghabiskan sukatan pelajaran Diploma Akauntansi dan mempunyai pengalaman kerja. Pemilihan responden tidak langsung dibataskan kepada jantina tertentu atau pencapaian akademik mereka.

Pemilihan sampel kajian tidak dibuat ke atas responden yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma atau belum tamat pengajian, bertujuan memastikan jawapan soal selidik bersesuaian dengan tahap pengetahuan responden.

Pemilihan responden hanya dari tiga buah Politeknik (walaupun terdapat 8 buah Politeknik yang menawarkan program Diploma Akauntansi) sudah dikira memadai dan mencukupi bagi tujuan kajian. Ini kerana, semua Politeknik menggunakan sukatan pelajaran yang seragam, serta khidmat tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan setaraf. Oleh itu, pendedahan pelajar terhadap pengetahuan teori dan kemahiran dalam sesuatu bidang diandaikan sama di semua Politeknik.

Populasi kajian adalah seramai 247 orang graduan yang layak dianugerahkan Diploma Akauntansi pada konvokesyen tahun 2002 sahaja. Sampel kajian sebanyak 126 orang dipilih secara rawak daripada bilangan populasi tersebut. Bilangan populasi dan sampel kajian adalah seperti di jadual 3.1.

Jadual 3.1 : Bilangan populasi dan sampel mengikut Politeknik.

Politeknik	Konvokesyen	Populasi	Sampel
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	17 Julai 2002	92	50
Politeknik Kuching	27 Julai 2002	46	26
Politeknik Kota Bharu	7 Julai 2002	109	50
JUMLAH		247	126

Borang soal-selidik telah diedarkan kepada responden pada hari *rehearsal*, sehari sebelum berlangsungnya konvokesyen dan kemudiannya dikumpulkan pada masa itu juga. Pengkaji mendapat kerjasama yang amat baik daripada responden dan pensyarah di Politeknik-politeknik yang terbabit.

3.3.2 Sumber data

Dua jenis sumber data telah digunakan dalam kajian ini, iaitu :-

3.3.2.1 Data primer

Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan data primer iaitu maklumat yang diperolehi daripada soal selidik bagi meninjau situasi sebenar. Penggunaan soal selidik ini merupakan sumber yang dapat memberi maklumat sebenar bagi sesuatu situasi semasa. Menurut Mohamad Najib (1999) "keputusan dari soal selidik harus digunakan dengan berhati-hati." Namun begitu, maklumat dari soal selidik ini kurang sesuai sebagai rujukan utama bagi kajian akan datang.

SENARAI DOKUMEN RUJUKAN

- Accounting Education Change Commission (1995). Professional matter. Institute of Chartered Accountants in England & Wales. *Journal of Accounting Education*, 6(2), 71-78.
- Aziz Abdul Rahman (2001). Akauntan profesional: pelajar melayu bertanggungjawab. *Utusan Malaysia*, January 14, 2002.
- Baldwin, B.A. & Howe, K.R. (1982). Secondary level study of accounting and subsequent performance in the first college course. *The Accounting Review*, 57(6), 19-26.
- Bedford Committee Report AAA (1986). Translating ideals into practice: an examination of international accounting bodies calls for curriculum change and New Zealand tertiary institutions. Assessment Methods. *Journal of Accounting Education*, 6(2), 109-124.
- Bergin, J. L. (1993). The effect of previous accounting study on student performance in the first college-level financial accounting course. *Issue in Accounting Education*, 19-28.
- Big Eight White Paper (1989). *Perspective on education: capabilities for success in the accounting profession*. New York: Arthur Anderson & Co., Arthur Young, Coopers & Lybrand, Deloitte Haskin & Sell, Ernst & Whinney, Peat Marwick Main & Co., Price Waterhouse, and Touche Ross.



PTTA UTHM
PERPUSSTAKAAN TINDAKAN AMINAH

- Black, T.R. (1993). *Evaluating social science research : An introduction*. London : Sage Publications.
- Che Zurina Muhamad Jamil, Noriah Che Adam, Akilah Abdullah, Noor Azizi Ismail, & Mohd Azlan Yahaya (2001). *Perakaunan perniagaan*. Edisi Pertama, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Collin, J.C.(2000). Why accounting software are important in generating financial info?.
Retrieved January 10,2002 from World Wide Web:
<http://www.accountingsoftware.com/topten/topten.htm>
- Davidson, R.A. & Etherington, L.D.(1995). Personalities of accounting students and public accountings: implications for accounting educators and the profession.
Journal of Accounting Education, 13(4), 425-444.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1989). *Kamus dewan*. Edisi Ketiga, Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ehrenreich & Hulme (1992). Teaching should include more unstructured problem.
Journal of Accounting Education, 3(1), 22.
- Elliot, R.K. (1991). Accounting education and reseach at the crossroad. *Issues in Accounting Education*, 6(1), 1-8.
- Goldstein, M. (1982). Management of staff retention. *The CPA Journal*, 12-17.
- Harvey & Green (1994). The quality in higher education project.. *Report : Issues in Accounting Education*, 5(2), 307-312.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Hermanson, R.H. & Carcello, J.V.(1989). An analysis of current accounting program in the context of the Aderson, Treadway, and Bedford report. *Journal of accounting education*, 7, 93-105.

Jamaliah Jaafar (2001). *Sudahkah pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti kursus Diploma Akauntansi di Politeknik menguasai kemahiran asas sebelum mereka memohon pekerjaan di sektor perkilangan?*. Unpublised masters' thesis, KUiTTHO.

Keef, S.P. (1992). The effect of prior accounting education: some evidence from New Zealand. *Journal of Accounting Education*, 1(1), 63-68.

Kullberg, Ingram, R.W. & Frazier (1989). *Developing communication skills for the accounting profession*. Sarasota, Florida: American Accounting Association.

Kurfiss, J.G. (1988). *Critical thinking: theory, reseach, practice and possibilities*. Washington, D.C.: Association for the Study of Higher Education.

May, G.S. & Floyd, W. (1995). The need for change in accounting education : An educator survey. *Journal of Acoounting Education*, 13(1), 21-43.

Mitchell, F. (1985). Scholl accounting qualification and student performance in first level university accounting examination. *Accounting and Business Research*, 58, 81-86.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Edisi Pertama. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Morgan, G.J. (1997). Communication skills required by accounting graduates: practioner and academic perceptions. *Journal of Accounting Education*, 6(2), 93-107.



Moses, O.D. (1987). Factor explaining performance in graduate level accounting. *Issues in Accounting Education*, 2(2), 281-291.

Mueller, G.G & Simmons, J.K.(1989). Change in accounting education. *Issues in accounting education*, 4(2), 247-251.

Murphy, G.J.(1992). Light, liberty, and learning. *CA Magazine January*, 43-47.

Noor Afizah Atan (2001). *Persediaan pelajar-pelajar semester akhir Diploma Akauntansi di Politeknik terhadap spesifikasi pekerjaan di dalam profesion perakaunan: Satu kajian kes*. Unpublished masters' thesis. KUiTTHO.

Peel, M.J., Pendlebury, M.W. & Grove, R.E.V. (1991). The determinants of students' financial awareness-some UK evidence. *The British Accounting Review*, 23(1), 23-48.

Raja Nazima Raja Ahmad (2000). *Persepsi pelajar terhadap pengendalian kursus Diploma Perakaunan : Satu tinjauan di Politeknik Ungku Omar*. Unpublished masters' thesis. KUiTTHO.

Riwayat Bukhari & Muslim.

Robert, M.C. & Thomas, E.K. (1986). Attitudes of accounting practioners toward accounting faculty and accounting education. *Journal of Accounting Education*, 4(1), 32-43.

Rossum, V.,E.J. & Schenk, S.M.(1985). The relationship between learning conception, study strategy and learning outcome. *British Journal of Education Psychology*, 54(1), 73-83.



PTT AUTHM
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENKAJI TINDAKAN DAN PENYELIDIKAN
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Saljo, R. (1979). Learning in the learner's perspective: some common sense conceptions. *Report from the Institute of Education, University of Goteborg*, No.76.
- Sangster, A. & McCombie (1993). How well do accounting students understand a set of accounts. *Journal of Accounting Education*, 6(2), 53-70.
- Schroeder, N.W. (1986). Previous accounting education and college-level accounting examination performance. *Issues in Accounting Education*, 1(1), 37-47.
- Shafie Mohamad Salleh (2001). *MIA perlu bekerjasama lahirkan ramai akauntan*. Perbahasan Rang Undang-undang Akauntan (pindaan) 2001. Malaysia : Dewan Negara.
- Sharma, D.S. (1997). Accounting students' learning conceptions, approaches to learning, and the influence of the learning-teaching context on approaches to learning. *Journal of Accounting Education*, 6(2), 125-146.
- Simyâr, F. (1993). *Prequalification education in the accounting profession for the year 2000 and beyond: a strategic framework*. Working Paper. Concordia University, Montreal, Canada.
- Smith, J.M. & Usry, M.F. (1989). Change in accounting education. *Journal of Accounting Education*, 7,1-7.
- Suhaïla Madros (2001). *Kemahiran menggunakan perisian perakaunan sebagai persediaan ke alam pekerjaan: Satu tinjauan terhadap pelajar-pelajar Diploma Akauntansi di Politeknik Port Dickson*. Unpublished masters' thesis. KUiTTHO.
- Sundem, G.L., Williams, D.Z. & Chironna, J.F. (1990). The revolution in accounting education. *Management Accounting (IMA)*, 72 (6), 49-53.



PITTAUTIM

PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Uma Sekaran (1992). *Research method for business : A skill building approach*. 2nd Edition. USA : John Wiley & Sons Inc.

Weirsmas, W. (1995). *Research method in education : An introduction*. 6th Edition. London : Allyn and Bacon.

Yunker, P.J, Sterner, J.A., & Costigan, M. (1986). Employment in accounting : a comparison of recruiter perception with student expectations. *Journal of Accounting Education*, 4(1), 95-111.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH